

KENYATAAN AKHBAR

CIDB PERSIAPKAN INDUSTRI: PERLAKSANAAN AKTA 520 PINDAAN (2011) DIJANGKA PERTENGAHAN 2015

PUTRAJAYA, 22 April: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bersedia melaksanakan Akta 520 Pindaan (2011) yang telah diluluskan oleh parlimen menjelang pertengahan tahun ini.

Pengurus Besar Kanan Sektor Operasi CIDB, Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani berkata, Akta 520 Pindaan (2011) akan melibatkan 33 fasal dan CIDB kini dalam rangka mempersiapkan penggiat industri pembinaan untuk pelaksanaan akta tersebut.

“Terdapat dua kategori pindaan, iaitu pindaan baru dan pindaan penambahbaikan. Di mana, untuk pindaan baru ini ia melibatkan penambahan fungsi dan bidang kuasa sedia ada di dalam akta. Manakala, pindaan penambahbaikan pula adalah penyusunan semula peruntukan fungsi dan kuasa sedia ada di dalam akta, yang ditambah baik, diperjelas dan diperkemas,” katanya.

Beliau berkata demikian, ketika berucap merasmikan ‘Seminar Pemantapan Peranan Klien Dalam Pembangunan Industri Pembinaan’ siri pertama yang berlangsung di Putrajaya hari ini.

Seramai lebih daripada 200 peserta yang terdiri daripada pihak kementerian dan jabatan kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak pemaju, pengeluar bahan binaan dan klien yang berkaitan industri pembinaan hadir dalam seminar tersebut.

Justeru, sebagai usaha memberi pemahaman dan penerangan kepada pindaan akta tersebut, CIDB pada tahun ini akan menganjurkan sembilan lagi siri seminar untuk klien di seluruh negara yang merupakan kesinambungan daripada seminar serupa untuk kontraktor pada tahun lepas.

“Siri jelajah ‘Seminar Pemantapan Peranan Klien Dalam Pembangunan Industri Pembinaan’ ini adalah sebahagian daripada inisiatif CIDB bagi meningkatkan pemahaman, serta penyampaian maklumat kepada pihak klien terutamanya mengenai pemilihan kontraktor bagi proses perolehan dan pelaksanaan kerja pembinaan mengikut Akta 520 Pindaan (2011).

“Melalui seminar ini, peserta yang hadir boleh mendapatkan maklumat secara langsung dan terperinci tentang pindaan akta disamping pada masa sama boleh menyuarakan idea dan bertukar pandangan mengenai industri pembinaan,” jelasnya.

Dalam pada itu, sebanyak enam kertas dibentangkan pada hari ini yang memberi fokus terhadap peranan klien dalam industri pembinaan seperti pendaftaran kontraktor dan hubungkaitnya dengan perolehan, kawalselia bahan binaan, penilaian SCORE-CIDB, pendaftaran dan pemerakuan personel binaan, pengisytiharan projek pembinaan, serta undang-undang dan peraturan dalam pelaksanaan kerja pembinaan mengikut Akta 520 Pindaan (2011).

Sembilan siri jelajah yang akan menyusul termasuklah Melaka dan Negeri Sembilan pada 21 Mei 2015 diikuti Perak (28 Mei 2015), Sabah (3 Jun 2015), Pahang (13 Ogos 2015), Sarawak (27 Ogos 2015), Pulau Pinang (17 September 2015), Johor (22 September 2015), Terengganu dan Kelantan (7 Oktober 2015) serta Kedah dan Perlis (20 Oktober).

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa : rakis@cidb.gov.my 03-4047 6272 / 012-6200 360
Noryani Ismail : noryani@cidb.gov.my 03-4047 7027 / 019-285 6867